

# Lelaki rosakkan pintu almari dan kerusi hotel dipenjara tiga bulan

**SIBU:** Seorang lelaki berusia 29 tahun didenda RM3,000 atau dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda oleh Mahkamah Majistret di sini semalam kerana melakukan perbuatan khianat dengan merosakkan pintu almari dan sebuah kerusi di sebuah hotel tempatan.

Majistret Romario Jonoi menjatuhkan hukuman itu selepas Christopher Chiew Lian Siong dari Bintulu mengaku bersalah atas pertuduhan mengikut Seksyen 426 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Dia bagaimanapun gagal membayar denda tersebut.

Chiew melakukankesalahan itu pada 2 Julai kira-kira jam 11.15 malam di dalam sebuah bilik hotel di Jalan Pahlawan di sini.

Menurut fakta kes, pengadu terus menghubungi pengawal keselamatan dan memaklumkan kepada pihak polis apabila tertuduh tiba-tiba bertindak agresif dan merosakkan beberapa barang dalam bilik hotel berkenaan.

Polis kemudian tiba dan menahan tertuduh.

Siasatan mendapati Chiew yang telah menginap di bilik hotel itu sejak 30 Jun bertindak sedemikian akibat tekanan peribadi dan berada di bawah pengaruh dadah.

Kes dikendalikan oleh Inspektor Kumareswaran

Murugan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam kes berasingan di mahkamahyangsama, seorang lelaki didenda RM2,000 atau dua bulan penjara sekiranya gagal membayar denda selepas mengaku bersalah atas pertuduhan dengan sengaja menyebabkan kecederaan, mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Lee Kock Wei, 52, dari Song membayar denda tersebut.

Dia melakukan kesalahan itu pada 9 Mac tahun lalu kira-kira jam 12.30 pagi di sebuah pusat hiburan di Jalan Langsat di sini.

Berdasarkan fakta kes, pengadu berada bersama ahli keluarganya di pusat hiburan tersebut apabila beberapa lelaki menghampiri mereka.

Salah seorang lelaki yang dikenalisebagaiAweitiabatiba memukul kepala anak lelaki pengadu menggunakan objek keras yang tidak dikenal pasti sebelum melarikan diri dari pusat hiburan berkenaan.

Siasatan polis mendapati anak lelaki pengadu telah dibawa ke sebuah pusat perubatan swasta dan menerima rawatan akibat kecederaan di dada kiri, dahi, lutut dan belakang badan.

Mangsa turut berjaya mengenal pasti tertuduh sebagai penyerangnya semasa satukawad cam pada 19 April 2024.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Haris Danial Mohamed Hassan.